



PEMBERITAHUAN

SOAL SELIDIK KESEDARAN TENTANG REBAT GST TELEFON BIMBIT PRABAYAR 2016

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan menjalankan **Soal Selidik Kesedaran Tentang Rebat GST Telefon Bimbit Prabayar 2016** untuk mengumpul data berkaitan dengan kesedaran umum tentang inisiatif rebat GST untuk pengguna perkhidmatan telefon bimbit prabayar.

Usaha ini adalah sebahagian daripada penyelidikan MCMC dan hasil kajian ini akan dijadikan petunjuk untuk mengetahui lebih lanjut tahap pemahaman orang awam terutamanya pengguna perkhidmatan telefon bimbit prabayar tentang rebat GST.

Soal selidik ini akan dijalankan sepenuhnya melalui telefon dari Pusat CATI MCMC, Cyberjaya bermula pada 1 Februari 2016 sehingga 31 Mac 2016. Pungutan data akan dilakukan daripada pukul 9:00 pagi hingga 6:00 petang pada hari bekerja, kecuali hari-hari kelepasan am negara dan Selangor. Sebarang pelanjutan tempoh soal selidik akan diumumkan di laman sesawang MCMC: www.mcmc.gov.my.

Harap maklum bahawa tujuan soal selidik ini adalah untuk pengumpulan data sahaja. Tiada wang akan dikutip mahupun sebarang urusan jualan dilakukan. Responden akan dipilih secara rambang oleh komputer berdasarkan nombor telefon. Penyertaan adalah secara sukarela; kerjasama daripada orang ramai amat dihargai agar maklumat yang dikehendaki dapat diperolehi. Semua maklumat peribadi yang dikumpul akan dirahsiakan dan hanya akan digunakan untuk kiraan statistik di peringkat kebangsaan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:-

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia

MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor

(U/p: Jabatan Statistik)

Tel: +603 8688 8235 Faks: +603 8688 1000

www.mcmc.gov.my



NOTICE

MOBILE PREPAID GST REBATE AWARENESS SURVEY 2016

The Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) will be conducting the **Mobile Prepaid GST Rebate Awareness Survey 2016** to collect data pertaining to public awareness on GST rebate initiative for mobile prepaid users.

This effort is part of MCMC's research and the findings of this survey will be a good indicator on the level of understanding of the public especially prepaid users, about GST rebate.

The survey will be conducted entirely through telephone from the MCMC CATI Centre, Cyberjaya commencing 1 February 2016 to 31 March 2016. Data collection will be conducted from 9:00 am to 6:00 pm weekdays, except on national and Selangor public holidays. Any survey extension will be announced on the MCMC website: www.mcmc.gov.my.

Please be advised that the purpose of this study is for data collection only. No money will be collected nor sales solicited. Respondents are randomly selected by computer, based on telephone numbers. Participation is voluntary; the co-operation of the public is greatly appreciated so that the required information can be obtained. All personal information collected will be kept in the strictest confidence and will be used only for the purpose of deriving statistics at the national level.

For more information, please contact:-

Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor
(Attn: Statistics Department)

Tel: +603 8688 8235 Fax: +603 8688 1000

www.mcmc.gov.my